

Orang Melayu khususnya ahli-ahli UMNO diminta elakkan persengketaan

Amanat akhir Dr. Mahathir

UM 31/10/2003 -1, 10 PRECISE

Oleh
OTHMAN MOHAMAD dan ROZILAN SALLEH

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tiada penghargaan yang lebih bermakna baginya melainkan orang Melayu khususnya ahli-ahli UMNO mengelak persengketaan dan terus berganding bahu untuk menjayakan perjuangan bangsa.

Sambil menyatakan terima kasih atas penghargaan pelbagai pihak kepada khidmatnya selama menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Dr. Mahathir mengingatkan bahawa banyak lagi yang perlu diperjuangkan bagi menjamin survival Melayu.

“Tidak ada terima kasih yang lebih besar daripada dapat menyingkirkan segala sengketa sesama kita dan berganding bahu bagi menjayakan parti.

“Itulah balasan yang saya lebih hargai daripada kata-kata dan lain-lain (penghargaan),” katanya dalam amanat terakhir kepada para pemimpin bahagian UMNO dari seluruh negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, sebelum melepaskan jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO petang esok.

● Lagi laporan, gambar di muka 10

Perjumpaan tersebut diadakan sejurus selepas beliau mempengerusikan bagi kali terakhir mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) di Menara Datuk Onn, PWTC.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir mahukan seluruh ahli UMNO memberi sokongan padu kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri esok.

“Saya minta ahli memberi sokongan yang sama kepada Datuk Seri Abdullah selepas ini,” katanya.

Pertemuan itu yang disusuli dengan majlis terbuka puasa, turut dihadiri oleh Abdullah, anggota-anggota MT UMNO dan para jemputan khas termasuk kalangan pemimpin parti komponen lain dalam Barisan Nasional (BN).

Dr. Mahathir turut berpesan supaya mereka mengikis sikap bersengketa, berebut kuasa, menggunakan politik wang untuk mendapatkan tempat dan iri hati.

■ Lihat muka 10



DR. MAHATHIR Mohamad mengangkat tangan Abdullah Ahmad Badawi sambil diperhatikan oleh Najib Tun Razak pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Datuk Onn, PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

Amanat akhir Dr. Mahathir

UM 31/10/2003 -1. 10 PRECISE

"Kalau kita terus bersikap demikian tak mungkin Melayu akan berjaya."

"Saya minta ahli-ahli UMNO lupakan kepentingan diri sendiri, utamakan parti kerana nikmat bukan terletak pada individu tetapi pada parti yang menentukan kejayaan bangsa," katanya.

Oleh kerana parti sahaja yang boleh membentuk kerajaan, Dr. Mahathir mengingatkan maka perlulah semua anggota menentukan parti terus memperoleh kejayaan dan kemenangan.

Dr. Mahathir berkata orang Melayu sekarang jauh berbeza daripada orang Melayu dahulu dengan mereka kini lebih yakin pada diri sendiri dan lebih berjaya.

Bagaimanapun, katanya, banyak lagi kejayaan yang boleh dicapai jika pembentukan Melayu baru sekarang ini diperbaharui lagi.

"Mereka hendaklah mengikis sikap bersengketa, berebut kuasa,

menggunakan politik wang untuk mendapatkan tempat dan iri hati," katanya.

Beliau juga berpesan, orang Melayu hendaklah mengubah sikap mereka menjadi lebih berani, lebih sanggup menghadapi cabaran dan lebih bermaruah.

"Masih banyak lagi perubahan sikap yang perlu dilakukan oleh orang Melayu sebelum mereka boleh menjadi bangsa yang maju," katanya.

Beliau berkata, Melayu boleh mencapai kejayaan jika mereka menukar nilai-nilai hidup mereka supaya bersesuaian dengan nilai-nilai hidup untuk menjadi bangsa yang maju.

Selain sikap rajin, bersungguhsungguh dan berdisiplin, kata beliau, Melayu perlu mempunyai rasa malu jika mereka membelakangkan kepentingan parti.

"Hanya bangsa yang tahu malu sahaja akan berjaya," jelasnya.

Beliau memberitahu terdapat ba-

ngsa yang sanggup membunuh diri kerana malu, namun UMNO bukan mahukan anggotanya membunuh diri tetapi membetulkan sikap dan nilai hidup mereka.

"Gagal atau berjaya sesuatu bangsa itu bukan terletak pada warna kulit tetapi budaya dan nilai hidup mereka," katanya.

Pada sidang akhbar selepas mesyuarat MT, Dr. Mahathir menekankan bahawa UMNO merupakan sebuah parti yang sederhana perjuangannya dan hanya UMNO sahaja yang berjuang untuk orang Melayu dan agama Islam di negara ini.

"UMNO telah memberi tempat kepada orang Melayu supaya mereka dapat menebus balik maruah mereka dan mengembalikan penghormatan kepada agama Islam dengan menunjukkan betapa Islam adalah satu agama yang begitu baik," katanya.